

Headline	Anak buaya tembaga masuk jerat berumpangan ayam		
MediaTitle	Berita Harian	Color	Full Color
Date	27 Feb 2019	Circulation	69,985
Section	Nasional	Readership	209,955
Page No	61	ArticleSize	368 cm <sup>2</sup>
Language	Malay	AdValue	RM 12,637
Journalist	Faliq Lajim	PR Value	RM 37,911
Frequency	Daily		



[FOTO IHSAN PERHILITAN]



**Anak buaya tembaga memasuki perangkap yang dipasang PERHILITAN di Tasik Shah Alam, semalam.**

# Anak buaya tembaga masuk jerat berumpangan ayam

PERHILITAN pasang tiga perangkap, dua jala di Tasik Shah Alam

Oleh Faliq Lajim  
am@hmetro.com.my

Shah Alam

**A**nak buaya tembaga yang diperlakukan oleh individu yang tidak bertanggungjawab di Tasik Shah Alam, Seksyen 14, di-

tangkap semalam selepas lima hari operasi.

Anak buaya itu berjaya ditangkap pada jam 11.30 pagi menggunakan perangkap berumpangan daging ayam yang dipasang Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) Selangor.

Pengarahnya, Abd Rahim Othman, berkata, kejadian itu disedari oleh Unit Buaya dari Pusat Menyelamat Hidupan Liar Kebangsaan (NWRC).

Beliau berkata, pihaknya memasang tiga perangkap bersaiz sederhana, dua jala dan satu pukat bagi menangkap anak buaya itu.

"Hasil pemantauan, selama lima hari sejak Jumaat lalu,

membuatkan hasil apabila buaya itu akhirnya memasuki salah satu perangkap yang dipasang menggunakan umpan daging ayam.

#### **Belum kenal pasti jantina**

"Anak buaya yang belum dienal pasti jantina bersaiz anggaran satu meter dihantar ke Paya Indah Wetlands (PIW) di Dengkil," katanya.

Sementara itu, Ketua Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Shahrin Ahmad, berkata dengan penangkapan buaya itu orang ramai kini tidak perlu gusar melakukan aktiviti riadah di situ.

"Pihak kami ingin mengucap-

kan terima kasih kepada semua pihak khususnya PERHILITAN, Jabatan Bomba Dan Penyelamat, serta Renjer Taman MBSA yang bersama-sama terbabit dalam operasi ini," katanya.

Terdahulu media melaporkan kehadiran reptilia itu yang ditemui orang awam yang melalui kawasan berkenaan pada jam 9.30 pagi, Jumaat lalu.

Orang awam menghubungi bomba yang menyerahkan tugas menangkap reptilia itu kepada PERHILITAN.

PERHILITAN juga percaya anak buaya itu dilepaskan pihak tidak bertanggungjawab berikutnya tasik itu tidak bersambung dengan mana-mana sungai berdekatan.

Headline	Cadang klinik baharu di Semenyih		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	27 Feb 2019	Color	Black/white
Section	Dlm Negeri	Circulation	112,050
Page No	7	Readership	336,150
Language	Malay	ArticleSize	154 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,007
Frequency	Daily	PR Value	RM 6,020



## Cadang klinik baharu di Semenyih

**HULU LANGAT 26 Feb.** - Buka klinik baharu ganti cadangan bina hospital di Semenyih.

Menyatakan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad mencadangkan pembinaan klinik kesihatan baharu bagi mengurangkan kesesakan pesakit di dua buah klinik kesihatan sedia ada di kawasan itu.

Bagaimanapun, katanya, keutamaan kementerian pada waktu ini adalah meningkatkan fasiliti-fasiliti kesihatan di klinik-klinik sedia ada.

Menurut Dzulkefly, pihaknya sudah pun berbincang dalam mesyuarat pasca Kabinet bersama Menteri Besar Selangor, Amirudin Shari dan Pengarah Jabatan Kesihatan negeri berhubung cadangan berkenaan dan langkah peningkatan fasiliti tersebut.

"Klinik adalah sangat penting. Saya mengambil sikap untuk membuat dan membina. Kalau boleh, saya cadangkan satu lagi klinik kesihatan.

"Saya tahu ada yang akan

membuat kritikan pada saya buat pengumuman tentang ini (klinik baharu)" katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyampaikan ceramah di Bilik Gerakan Pusat Daerah Mengundi Pakatan Harapan Bukit Mahkota 1, Bandar Seri Putra di sini, semalam.

Jelas Dzulkefly, pihaknya mendapat Klinik Kesihatan Semenyih sedia ada tidak dapat dibersarkan lagi kerana mempunyai kawasan yang terhad.

Sehubungan itu, pihaknya mengambil keputusan untuk mempertimbangkan peningkatan fasiliti di klinik berkenaan.

Bagaimanapun, katanya, pihaknya tidak menolak sepenuhnya permintaan calon Pakatan Harapan, Muhammad Aiman Zainali bagi mewujudkan sebuah hospital untuk penduduk Semenyih.

"Semasa ditanya mengenai hospital itu minggu lalu, saya belum membuat apa-apa keputusan," katanya.

Headline	Anak buaya di Tasik Shah Alam ditangkap Perhilitan		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	27 Feb 2019	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	112,050
Page No	12	Readership	336,150
Language	Malay	ArticleSize	259 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,119
Frequency	Daily	PR Value	RM 15,357



## Anak buaya di Tasik Shah Alam ditangkap Perhilitan

**SHAH ALAM 26 Feb.** - Seekor anak buaya yang diperlakukan dilepaskan pihak tidak bertanggungjawab di Taman Tasik Shah Alam berjaya ditangkap kira-kira 11.30 pagi hari ini apabila reptilia itu memasuki perangkap yang dipasang Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan).

Pengarah Perhilitan Selangor, Abd. Rahim Othman berkata, pihaknya memasang tiga perangkap dengan menggunakan umpan ayam sejak anak buaya itu dilihat pada 22 Februari lalu.

"Anak buaya itu sepanjang satu meter tetapi belum dikenal pasti jantinannya. Reptilia tersebut akan dihantar ke Paya Indah Wetlands," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Jumaat lalu, orang ramai

yang beriadah di tasik tersebut dikejutkan dengan penemuan seekor anak buaya, sedangkan tasik berkenaan tidak bersambung atau mempunyai saluran terus ke mana-mana sungai utama di negeri ini.

Sementara itu, Ketua Bahagian Komunikasi dan Perhubungan Awam Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Shahrin Ahmad mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam operasi memburu anak buaya tersebut.

"Pihak MBSA dengan ini ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak khususnya Perhilitan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Shah Alam serta Renjer Taman MBSA," katanya.



ANAK buaya yang dilihat di Taman Tasik Shah Alam pada Jumaat lalu berjaya ditangkap selepas memasuki perangkap dipasang Perhilitan Selangor semalam.

Headline	Pasang 3 perangkap		
MediaTitle	Harian Metro	Color	Full Color
Date	27 Feb 2019	Circulation	112,705
Section	Setempat	Readership	338,115
Page No	27	ArticleSize	233 cm <sup>2</sup>
Language	Malay	AdValue	RM 9,179
Journalist	Faliq Lajim	PR Value	RM 27,536
Frequency	Daily		



# Pasang 3 perangkap

■ **Anak buaya tembaga dilepaskan individu tidak bertanggungjawab di Tasik Shah Alam ditangkap**

Faliq Lajim  
am@hmetro.com.my

## Shah Alam

**S**elepas lima hari operasi dijalankan, anak buaya tembaga yang dipercayai dilepaskan individu tidak bertanggungjawab di Tasik Shah Alam, Seksyen 14, berjaya ditangkap, semalam.

Reptilia itu ditangkap jam 11.30 pagi menggunakan perangkap berumpan daging ayam yang dipasang Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) Selangor.

Pengaruhnya, Abd Rahim Othman berkata, kejadian itu disedari Unit Buaya dari



ANAK buaya masuk ke dalam perangkap selepas lima hari operasi dijalankan.

Pusat Menyelamat Hidupan Liar Kebangsaan (NWRC).

Beliau berkata, pihaknya memasang tiga perangkap bersaiz sederhana, dua jala dan satu pukat untuk menangkap anak buaya itu.

“Hasil pemantauan selama lima hari sejak Jumaat lalu membahukan hasil apabila buaya itu akhirnya memasuki satu daripada perangkap yang dipasang menggunakan umpan da-

ging ayam.

“Anak buaya yang belum dikenal pasti jantina bersaiz anggaran satu meter itu kemudian dihantar ke Paya Indah Wetlands (PIW) di Dengkil,” katanya.

Headline	Anak buaya masuk perangkap		
MediaTitle	Kosmo		
Date	27 Feb 2019	Color	Full Color
Section	Negara	Circulation	155,996
Page No	1,16	Readership	467,988
Language	Malay	ArticleSize	369 cm <sup>2</sup>
Journalist	AHMAD SHAHERMAN SHAMSURI	AdValue	RM 9,613
Frequency	Daily	PR Value	RM 28,839



Reptilia sepanjang satu meter itu ditempatkan di Paya Indah Wetland, Banting

## Anak buaya masuk perangkap

Oleh AHMAD SHAHERMAN SHAMSURI

**S**HAI ALAM – Anak buaya tembaga yang menggemparkan penduduk daerah ini apabila ditemui di Tasik Shah Alam, Seksyen 14 di sini pada Jumaat lalu akhirnya berjaya ditangkap semalam.

Pengarah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Selangor, Abd. Rahim Othman berkata, reptilia sepanjang satu meter itu ditemui dalam salah satu perangkap yang dipasang di tasik berkenaan kira-kira pukul 11.30 pagi.

“Selepas lima hari operasi yang dijalankan oleh pihak kita bersama Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), akhirnya anak buaya itu berjaya ditangkap menggunakan perangkap saiz sederhana.

“Sebanyak tiga perangkap saiz sederhana, dua jala dan satu pukat telah



INILAH anak buaya tembaga yang dilepaskan oleh individu tidak bertanggungjawab ke Tasik Shah Alam dan berjaya ditangkap selepas masuk perangkap yang diisi dengan umpan ayam semalam.

digunakan sepanjang lima hari operasi ini. Hasilnya, salah satu perangkap yang diisi dengan umpan ayam berjaya memerangkap anak buaya ini,” katanya ketika dihubungi *Kosmo!* di sini semalam.

Menurutnya, pihaknya belum dapat

mastikan jantina anak buaya tersebut dan reptilia itu kini ditempatkan di sebuah kolam khas buaya di Paya Indah Wetland (PIW), Banting.

“Anak buaya ini kita tempatkan di PIW terlebih dahulu sebelum tindakan sete-



KERATAN Kosmo! 23 Februari 2019.

rusnya diambil sama ada dilepaskan di habitat liar atau diserahkan kepada pihak yang berkenaan,”ujarnya.

Dalam pada itu, beliau berkata, pihaknya yakin anak buaya itu dilepaskan ke tasik berkenaan ekoran takut dikenakan tindakan undang-undang kerana menyimpan dan memelihara spesis yang dilindungi.

*Kosmo!* pada Sabtu lalu melaporkan anak buaya tembaga itu dilepaskan ke Tasik Shah Alam oleh individu tidak bertanggungjawab berikutan tasik itu bukan habitat haiwan terbabit selain tiada kes berkaitan reptilia itu dilaporkan sebelum ini.

Headline	Klinik kesihatan baharu untuk orang Semenyih		
MediaTitle	Kosmo	Color	Full Color
Date	27 Feb 2019	Circulation	155,996
Section	Negara	Readership	467,988
Page No	14	ArticleSize	292 cm <sup>2</sup>
Language	Malay	AdValue	RM 7,578
Journalist	N/A	PR Value	RM 22,734
Frequency	Daily		



Pembinaannya bagi tingkat kemudahan perubatan kepada rakyat

# Klinik kesihatan baharu untuk orang Semenyih

**S**EMENYIH — Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad mencadangkan supaya sebuah lagi klinik kesihatan dibina di Semenyih bagi memastikan penduduk di kawasan ini mendapat kemudahan perubatan kesihatan yang baik.

Beliau berkata, cadangan tersebut sebagai usaha menambah baik fasiliti di dua buah klinik kesihatan sedia ada di pekan Semenyih dan Beranang yang telah lama dan uzur.

"Dua klinik di pekan Semenyih dan Beranang tidak boleh diperluaskan lagi kerana kekurangan tempat dan oleh itu, dicadangkan sebuah lagi klinik penjagaan kesihatan premier, pencegahan dan penjagaan keluarga disediakan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri ceramah kempen Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) Semenyih di Bilik Gerakan Bukit Mahkota 1, di sini malam



DZULKEFLY



KEMENTERIAN Kesihatan akan menambah baik fasiliti di Hospital Kajang bagi memberi keselesaan kepada penduduk setempat mendapatkan rawatan.

kelmarin.

Dalam pada itu katanya, Hospital Kajang yang merupakan hospital terdekat di Semenyih, akan ditambah baik fasilitinya termasuk pembinaan sebuah klinik wanita dan kanak-kanak yang jaraknya hanya 800 meter dari hospital tersebut.

Pembinaan klinik kesihatan tersebut

dilihat mempunyai kaitan dengan janji calon Pakatan Harapan, Muhammad Aiman Zainali yang dilaporkan menjadikan pembinaan hospital di Semenyih sebagai agenda utama jika menang PRK memandangkan ia merupakan permasalahan paling banyak diutarakan oleh masyarakat setempat di situ.

Headline	Sertai Selangor Mega Job Fair		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	27 Feb 2019	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	160,000
Page No	17	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	143 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,439
Frequency	Daily	PR Value	RM 7,318



Khairuddin (tengah) pada sidang media sempena Selangor Mega Job Fair@ MAEPS 2019, semalam.

## Sertai Selangor Mega Job Fair

**SHAH ALAM** - Selangor Mega Job Fair @MAEPS 2019 menyediakan 5,000 peluang pekerjaan kepada pemburuan kerja melalui penglibatan 180 majikan yang akan turut serta pada karnival tersebut, 16 Mac ini.

Exco Pembangunan Generasi Muda & Sukan dan Pembangunan Modal Insan, Mohd Khairuddin Othman berkata, program anjuran kerajaan negeri dengan kerjasama JobMalaysia, Jabatan Tenaga Kerja Selangor, Kementerian Sumber

Manusia bakal dirasmikan oleh Menteri Besar, Amirudin Shari.

Menurutnya, program yang diperkenalkan sejak 2014 itu bertujuan menyediakan peluang pekerjaan, membantu syarikat yang memerlukan tenaga kerja dan melahirkan modal insan proaktif.

Beliau berkata, pemohon digalakkan membuat permohonan secara atas talian di JobMalaysia terlebih dahulu bagi memudahkan urusan dan mengelak kesesakan.

Headline	Buaya Tasik Shah Alam akhirnya masuk perangkap		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	27 Feb 2019	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	160,000
Page No	17	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	197 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,360
Frequency	Daily	PR Value	RM 10,081



## Buaya Tasik Shah Alam akhirnya masuk perangkap

**SHAH ALAM** - Anak buaya tembaga bersaiz satu meter yang ditemui di bahagian barat Tasik Shah Alam di sini minggu lalu, berjaya ditangkap kira-kira jam 11.30 pagi, semalam.

Pengarah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Selangor, Abd Rahim Othman memberitahu anak buaya itu ditemui berada dalam salah satu daripada tiga perangkap yang dipasang pihaknya sejak minggu lalu.

Menurutnya, pihaknya bersama unit buaya Pusat Perlindungan Hidupan Liar (NWRC) membuat pemantauan berterusan dan memasang tiga perangkap sederhana, dua unit jala serta satu pukat bagi menangkap reptilia itu.

"Dalam tempoh lima hari ini, kita akhirnya dapat menangkap anak buaya itu yang masih belum dikenalpasti jantinanya.

"Reptilia itu akan dihantar ke 'rescue centre' di Paya Indah Wetland, Sepang dan ditempatkan di sana buat sementara waktu," katanya kepada Sinar Harian.

Katanya, haiwan itu akan dirawat dan disimpan di sana sebelum



Abd Rahim (empat, kanan) bersama anggotanya serta pihak MBSA yang turut membantu usaha menangkap reptilia berkenaan.

dilepaskan ke habitat liar yang bersesuaian.

Mengulas sama ada terdapat kemungkinan masih ada buaya lain dalam Tasik Shah Alam, Abd Rahim berkata, pihaknya belum dapat memastikan perkara tersebut buat masa ini.

"Tapi kita masih tinggalkan perangkap, jala serta pukat di sana sebagai persediaan kalau ada lagi haiwan itu," katanya yang turut be-

kerjasama dengan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) bagi melancarkan operasi menangkap anak buaya itu.

Sementara itu, MBSA dalam satu kenyataan mengucapkan terima kasih kepada semua pihak khususnya Perhilitan, Jabatan Bomba dan Penyelamat serta renjer taman MBSA yang bekerjasama dalam memastikan anak buaya itu dapat ditangkap.

Headline	Kesihatan penduduk terjejas		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	27 Feb 2019	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	160,000
Page No	18	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	434 cm <sup>2</sup>
Journalist	HASNIZA HUSSAIN	AdValue	RM 7,403
Frequency	Daily	PR Value	RM 22,209



# Kesihatan penduduk terjejas

Pembakaran terbuka sebabkan penduduk alami batuk, demam berpanjangan

HASNIZA HUSSAIN

SHAH ALAM



MOHD SYAFIQ



Api akibat pembakaran terbuka dapat dilihat dengan jelas.

"Penduduk dah tak boleh tahan... Ramai yang nak pindah, sebab dah lebih setahun masalah pencemaran bau dan asap ni masih belum selesai," kata Mohd Syafiq Shahabudin, 32, yang menghuni Pangaspuri Damai Seksyen 25, Taman Sri Muda, disini.

Menurutnya, dia dan penduduk di situ terpaksa menanggung kesan pembakaran terbuka yang dilakukan di tebing sungai yang terletak kira-kira 500 meter dari rumah mereka.

Katanya, asap dan bau busuk seperti bahan kimia menyebabkan sakit tekak dan mengganggu pernafasan.

"Anak-anak mengalami demam dan batuk berpanjangan dan ada yang kerap keluar masuk hospital. Kami terpaksa bawa anak ber-

juma doktor setiap bulan dan dinasihatkan berpindah bagi mengelakkan perkara lebih buruk berlaku," katanya.

Menurutnya, dia juga nekad berpindah sekiranya masalah itu gagal diselesaikan dalam masa terdekat.

"Mungkin sesetengah pihak melihat masalah kami ni hanya masalah biasa tapi hakikatnya kami sudah tidak boleh bertahan," katanya kepada Sinar Harian.

Mohamad Syafiq berkata, pembakaran terbuka itu biasanya dijalankan antara jam 2 pagi dan padam jam 7 pagi. Menurutnya, pembakaran terbuka itu juga menyebabkan asap dan bau masuk ke rumah penduduk.

"Pencemaran ini memualkan.

Tingkap dan pintu rumah terpaka dilutup rapat setiap hari. Hak kami untuk menghirup udara segar dirampas.

"Masalah ini sudah kami adukan melalui emel kepada Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Jabatan Alam Sekitar serta ADUN sejaktahun lalu tapi masih tiada tindakan.

"Terbaharu kita juga adukan kepada Menteri Besar Selangor, Amirudin Shari berhubung perkara ini," katanya.

Sementara itu, Amirudin di Twitternya pada 21 Februari lalu memberi respon terhadap aduan itu dan mengarahkan MBSA dan Jabatan Alam Sekitar segera mengambil tindakan.

"Ambil tindakan sewajarnya ke-

rana pembakaran terbuka boleh memberi kesan negatif kepada kesihatan penduduk yang tinggal di kawasan tersebut," katanya.

Dalam pada itu, Ketua Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam MBSA, Shahrin Ahmad berkata, pihaknya sudah membuat permerikasan di lokasi dan mendapatkawasan itu adalah tanah rizab jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).

"Kita sudah maklumkan kepada JPS untuk tindakan lanjut.

"Langkah sementara yang dapat kita buat adalah dengan membuat korekan sebagai halangan pencerobohan ke tapak tersebut," katanya.

Shahrin juga memberitahu, tindakan membuat halangan tersebut dijalankan MBSA minggu lalu.



Seorang penduduk menerusi ciapan di Twitter membuat aduan kepada Jabatan Alam Sekitar serta MBSA mengenai pembakaran terbuka terbatib.



Ciapan di Twitter seorang penduduk pada 19 Februari lalu berhubung kejadian, sebelum mendapat respon Amirudin keesokan harinya.



Headline	Fahami reformasi, idealisme		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	27 Feb 2019	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	160,000
Page No	23	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	334 cm <sup>2</sup>
Journalist	MOHD RIDZUAN ABU HASSAN	AdValue	RM 5,697
Frequency	Daily	PR Value	RM 17,092



# Fahami reformasi, idealisme

**AMK nekad  
berjuang demi  
parti**

MOHD RIDZUAN  
ABU HASSAN

HULU SELANGOR

**A**hli Angkatan Muda Keadilan (AMK) Cabang Hulu Selangor diminta memahami agenda reformasi dan idealisme perjuangan parti bagi memberi perkhidmatan terbaik kepada rakyat.

Ketuaanya, Saifuddin Shafie Muhammad berkata, hampir 70 peratus daripada 1,500 ahli aktif di cabang itu terdiri daripada generasi baharu

yang masih kecil ketika era Reformasi.

Menurutnya, menjawai perjuangan PKR penting bagi memastikan sayap muda melaksanakan peranan memperkuatkan parti bermula dari peringkat akar umbi.

"Ahli AMK lingkungan usia bawah umur 35 tahun namun tidak bermakna kami tidak mengetahui atau tidak merasai semangat perjuangan parti.

"AMK bersedia memperjuangkan agenda reformasi dalam memastikan perjuangan PKR diletak sebagai perkarra paling asas.

"Sehubungan itu, ahli mengikuti program Pelatihan Angkatan Muda Keadilan bagi Angkatan Pertama di Kem Ghafar Baba, Kemensah baru-baru ini bagi tujuan ter-



Ahli Jawatankuasa AMK Cabang Hulu Selangor yang menyertai program latihan.

sebut," katanya.

Saifuddin yang juga Pegawai Khas Menteri Besar Selangor berkata, ahli AMK tidak

lagi boleh bertindak seperti pembangkang apabila kini dipilih rakyat sebagai kerajaan.

Menurutnya, sebarang

tindakan perlu mengikut sullivan betul bagi mencerminkan kewibawaan kerajaan yang berkhidmat

**info**

Hampir 70 peratus daripada 1,500 ahli adalah generasi baharu yang masih kecil pada era Reformasi

untuk rakyat.

Katanya, ahli ada peranan dalam pembangunan.

"Setiap ahli ada keupayaan untuk melaksanakan peranan yang diberi dalam pembangunan negeri dan parti selain memastikan kebijakan serta suara rakyat terbaik.

"AMK Cabang Hulu Selangor mempunyai 1,500 ahli aktif dan menasarkan keahlian aktif lebih 4,000 menjelang PRU15," katanya.

Headline	MDHS tawar hadiah lumayan		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	27 Feb 2019	Color	Black/white
Section	Selangor & KL	Circulation	160,000
Page No	23	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	124 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,221
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,663



## MDHS tawar hadiah lumayan

KUALA KUBU BHARU - Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) melalui Jabatan Landskap menganjurkan pertandingan Program Indah Persekutaran.

Pertandingan bagi tahun ini membabitkan kategori Perumahan, Bangunan Bertingkat dan Industri yang menawarkan hadiah projek bernilai RM15,000 bagi juara manakala RM6,000 di tempat kedua dan ketiga, RM4,000 untuk kategori Perumahan serta Bangunan Bertingkat.

Nama syarikat yang memenangi kategori Industri akan diiklankan pada papan tanda nama MDHS.

Pegawai Komunikasi Korporat Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS), Junainah Abdullah berkata, tarikh tutup penyertaan pada 15 Mac dan tempoh pertandingan bermula 1 April hingga 1 Oktober depan.

Menurutnya, persatuan penduduk

yang mengambil bahagian perlu terlibat secara aktif dalam program pengajuran seperti kursus dan bengkel, taklimat serta lawatan teknikal.


"Penarikan diri sebelum tempoh penilaian tidak digalakkan.

"Permohonan gotong-royong dan sumbangan pokok adalah secara bersurat akan diberikan keutamaan.

"Kebun komuniti perlu diwujudkan dengan menghantar permohonan kepada Jabatan Landskap MDHS dan kawasan yang ingin dibangunkan adalah jelas seperti sebahagian kawasan lapang dan komuniti (bukan premis individu)," katanya.

Junainah berkata, bagi kategori Industri, peserta perlu mengindahkan laluan masuk dan kawasan dalam kilang selain mempunyai inisiatif menyelenggara kawasan angkat seperti di hadapan premis.

Headline	'Bila-bila masa boleh roboh'		
MediaTitle	Sinar Harian	Color	Full Color
Date	27 Feb 2019	Circulation	160,000
Section	Selangor & KL	Readership	509,000
Page No	24	ArticleSize	763 cm <sup>2</sup>
Language	Malay	AdValue	RM 13,015
Journalist	AZIE YAHAYA	PR Value	RM 39,045
Frequency	Daily		



**Peniaga bimbang gerai runtuh berikutan mendapan semakin serius**

AZIE YAHAYA

MERU

**P**eniaga di Gerai Makan Jalan Puding di sini bimbang mendapan yang semakin serius mengakibatkan tembok penghadang di belakang premis berkenan runtuh.

Peniaga, Muhamad Kamarul Ab Kassim, 28, berkata, kejadian itu berlaku sejak sebulan lalu.

Menurutnya, sebahagian tembok penghadang yang memisahkan gerai dan longkang besar runtuh menyebabkan tanah serta simen di bawah gerai mula mendap.

"Semakin hari, tanah serta simen di bawah tapak gerai semakin terhakis, lebih-lebih lagi jika hujan lebat. Sebahagian lagi tembok tunggu masa nak runtuh. Hanya bergantung kepada kayu sokongan," katanya ketika ditemui Sinar Harian, semalam.

Dia yang menjalankan perniagaan ubah suai pakaian berkata, keadaan itu menyebabkan keselamatan peniaga serta pelanggan terancam.

"Paling terkesan gerai saya dan empat lagi yang lain sebab mendapan dan hakisan paling teruk. Banyak barang yang saya terpaksa alihkan dan simpan di ruang depan," katanya.

Muhamad Kamarul mendakwa, dia sudah membuat aduan kepada pihak berkuastra tempatan tetapi sehingga kini belum ada sebarang tindakan.

"Dah banyak kali saya buat aduan,

## 'Bila-bila masa boleh roboh'

### MASALAH YANG DIHADAPI PENIAGA

- Mendapan serius
- Hakisan mengakibatkan tembok runtuh
- Terpaksa guna kayu penyokong
- Bumbung bocor

#### Dentuman kuat

Seorang lagi peniaga, Badriah Mohamed Noh, 47, berkata, dia berada di gerai ketika tembok penghadang berkenan runtuh.

"Kejadian berlaku waktu petang ketika itu saya berada di dalam gerai. Tibatiba saya terdengar bunyi dentuman kuat, seolah-olah pokok tumbang.

"Saya terus menjenguk ke tepi gerai dan lihat sebahagian tembok penghadang sudah runtuh. Tuhan saja yang tahu perasaaan saya ketika itu," katanya.

Menurutnya, mendapan tanah kini semakin serius menyebabkan bahagian bawah gerai terhakis teruk dan keadaannya tidak stabil. Simen juga banyak yang sudah terhakis, lebih-lebih lagi bila hujan lebat," katanya.

Tambah Badriah, walaupun berisiko, dia dan peniaga lain masih menjalankan perniagaan di gerai berkenaan.

"Risau memang risau sebab kalau tengok keadaannya, bila-bila masa saja boleh roboh."

"Tapi kami tiada pilihan lain sebab ini sahaja sumber pendapatan kami. Nak tak nak kami memang terpaksa teruskan perniagaan walaupun nyawa terancam," katanya.



## Gerai semakin daif, bumbung bocor

Badriah juga memberitahu, gerai yang dibina sejak 16 tahun lalu itu kini semakin daif dan terbiar.

"Saya mula berniaga sejak gerai ini dibina dengan sewa RM130 sebulan. Kalau tengok keadaan gerai ini agak terbiar. Bumbung pun banyak yang dah bocor. Bila hujan, air masuk dalam gerai," katanya.

Menurutnya, lebih memerlukan apabila gerai berkenaan tidak mempunyai kemudahan tandas serta ruang solat.

"Kami terpaksa melintas jalan untuk stesen minyak jika mahu menggunakan tandas serta bersolat. Memang penat berulang-ulik tapi nak buat macam mana," katanya.

Perkara sama turut dipersetuju S Kubbmah, 53, yang mahu pihak berkenaan segera menyelesaikan perkara itu.

Menurut Kubbmah, dia memasang kayu penghadang di tepi kedai bagi mengelakkan kanak-kanak terjatuh ke dalam longkang berhampiran.

"Risau sangat sebab bila-bila masa saja gerai ini boleh roboh. Harap sangat pihak berkenaan segera selesaikan masalah ini," katanya.



Headline	Kemas kini maklumat		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	27 Feb 2019	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	160,000
Page No	33	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	131 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,235
Frequency	Daily	PR Value	RM 6,704



## Kemas kini maklumat

**KUALA SELANGOR** – Golongan asnaf, mualaf dan fakir miskin di daerah ini dinasihatkan supaya mengemas kini maklumat bagi mengelakkan keciciran bantuan Lembaga Zakat Selangor (LZS).

Ketua Operasi Agihan LZS Daerah Kuala Selangor, Mohamad Amir Mohamad Azam berkata, maklumat berkaitan sebarang perubahan isi rumah, alamat dan nombor telefon perlu dikemaskini.

“Jika ada perubahan, kena maklumkan kepada amil yang dilantik dan tidak perlu ke pejabat.

“Kerjasama ini penting supaya tiada kesilapan untuk saluran bantuan akan datang terutama pada Hari Raya Aidilfitri nanti,”

Mohamad Amir ber-



MOHAMAD AMIR

kata, rekod terkini jumlah yang berdaftar di daerah ini seramai 5,800 asnaf membabitkan Parlimen Tanjung Karang dan Kuala Selangor.

“Jumlah yang ramai ini agak sukar untuk pegawai LZS kesan, jadi kerjasama asnaf dan fakir miskin ini penting bagi membantu memudahkan semua urusan,” katanya.

Sehingga kini katanya, LZS merekodkan seramai 6,000 asnaf dan fakir miskin di seluruh negeri.



Headline	Extension to legalise factories		
MediaTitle	The Star		
Date	27 Feb 2019	Color	Full Color
Section	Metro	Circulation	201,943
Page No	1,4	Readership	605,829
Language	English	ArticleSize	327 cm <sup>2</sup>
Journalist	By PRIYA MENON priya@thestar.com.my	AdValue	RM 17,511
Frequency	Daily	PR Value	RM 52,533



## Extension to legalise factories

Only 10% of 1,000 premises took up state's offer under previous programme

By PRIYA MENON  
priya@thestar.com.my

ILLEGAL factories in Shah Alam can still legalise their business and premises as the Selangor government has extended its factory legalisation programme.

Shah Alam City Council (MBSA) announced the state's decision during the full board meeting yesterday to alert councillors and officers of the extension.

Shah Alam deputy mayor Mohd Rashidi Ruslan said the city council received the news on Monday and was awaiting more information from the Selangor Land and Minerals Department.

"We do not have the details yet, including the duration of the extension as well as the discount offered to the factories but as soon as we get it we will begin work," he added.

At present, there are some 998 illegal factories but many did not take up previous offers to legalise the factories.

Rashidi said only 10% legalised their factories from 2005 to December last year. The programme has also been extended several times with discounts to encourage landowners to convert their agricultural land to industrial land for the legalisation process.

Rashidi said most of the operators were tenants while owners of the factories and land were not willing to pay the high premium price to convert the land status.

Most of the illegal factories in Shah Alam are located in Kampung Baru Sungai Buloh, Bukit Kemuning and Bukit Subang.

"A lot of them were unable to meet the conversion criteria but we hope they will try again through this programme," he added.

MBSA councillor V.Papparaidu hoped more would legalise their factories.

He said many were unable to

meet the deadline in the past and said the extension was a golden opportunity for them to do so now.

Rashidi also said that the Setia Alam recycling centre has opened its doors.

"The centre is open from 8am to 5pm on weekdays and people have the option of driving through and putting their rubbish in the bins," he said.

Currently, many residents dumped rubbish at night after the centre closed for the day.

To overcome the issue, the city council has decided to open the centre on weekends as well from 8am to noon.

We do not have the details yet, including the duration of the extension as well as the discount offered to the factories but as soon as we get it we will begin work.

**Mohd Rashidi Ruslan**

“ ”



27 Feb 2019  
China Press, Malaysia

Author: No author available • Section: Central • Page: C3 • Printed Size: 396.00cm<sup>2</sup>  
Region: KL • Market: Malaysia • Photo: Full Color • ASR: MYR 7,811.32  
Item ID: MY0035240308

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJANAN NEGERI SELANGOR  
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT  
TINGKAT 4 BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.  
